

07 JUL 2004

DAIMLER-ANUGERAH

DAIMLERCHRYSLER ANTARA PENAJA ANUGERAH REBEN MERAH MEDIA 2004

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Pengedar borong kenderaan Mercedes-Benz, DaimlerChrysler Malaysia, bersama dengan Majlis AIDS Malaysia (MAC) mempelawa penyertaan bagi Anugerah Reben Merah (RRMA) yang diadakan dua tahun sekali.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, DaimlerChrysler berkata, anugerah yang diperkenalkan pada 1996 sebagai ganjaran kepada kecemerlangan dalam bidang kewartawanan itu, adalah antara usaha yang dilakukan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada peranan penting yang dimainkan oleh pengamal media Malaysia yang telah memberi sumbangan besar ke arah mendidik orang ramai mengenai HIV/AIDS.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif DaimlerChrysler, Frank Steinleitner berkata, syarikat itu gembira kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian sebagai penaja utama RRMA tahun ini dan juga bagi 2006 dan 2008.

Menyentuh tentang AIDS beliau berkata, walaupun kadar jangkitan di Malaysia tidak setinggi di Afrika Selatan atau Thailand, namun syarikat itu bimbang tentang kadarnya yang semakin meningkat dan diyakinkan oleh MAC bahawa tindakan mengenainya amat diperlukan, khususnya dalam program-program kesedaran, pendidikan kesihatan dan pencegahan.

"Pengamal-pengamal media pada umumnya dianggap sebagai contoh teladan oleh masyarakat dan segala perkataan yang mereka tutur dan tulis mempunyai kuasa untuk mencetuskan perubahan sosial.

"Dengan kerana itulah kami bekerjasama dengan MAC untuk memberi pengiktirafan kepada kerja-kerja yang dilakukan oleh anggota media tempatan yang layak diteladani dalam mendidik orang ramai serta menyampaikan maklumat terbaru dan penting mengenai HIV/AIDS," kata Steinleitner.

Kategori-kategori bagi RRMA telah diperkemaskan dan dibahagikan kepada media cetak, media penyiaran dan media bukan tradisi meliputi rencana, pengiklanan dan bahan-bahan lain yang pernah diterbitkan, disiarkan atau

dipersembahkan di antara 1 Jun, 2000 dan 1 Mei, 2004.

Pemenang-pemenang bagi kategori-kategori tahun ini akan menerima sijil kecemerlangan daripada MAC, piala rekaan khusus dan hadiah berupa wang tunai sebanyak RM2,500 setiap satu.

Presiden MAC, Datin Paduka Marina Mahathir, yang menerima sumbangan berjumlah RM250,000 daripada Steinleitner berkata, anugerah itu merupakan cara mudah menyatakan "terima kasih" kepada agensi-agensi berita serta individu-individu yang telah memberikan bantuan dalam menyampaikan mesej mengenai pencegahan HIV/AIDS. -- BERNAMA  
UHS SD KY ZK